

UEB 07-10 80179 BB001

aab

MAHATHIR: ASEAN PERLU BEKERJASAMA DENGAN ASIA TIMUR
MEA - Mahathir

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Asean perlu bekerjasama dengan negara-negara Asia Timur sekiranya kumpulan serantau itu ingin mempunyai suara lebih besar dalam rundingan perdagangan antarabangsa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) perlu kuat secukupnya untuk dihormati oleh kedua-dua Kesatuan Eropah (EC) dan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), katanya ketika merasmikan mesyuarat dua hari Menteri Ekonomi Asean di sini.

+Ketika inipun, negara-negara Tenggara dan Asia Timur secara bersama merupakan pasaran yang teguh,+ katanya, +Tetapi potensi untuk pertumbuhan EAEG adalah lebih besar daripada EC atau NAFTA. Ini akan menambah lagi kekuatan EAEG.+

Dr Mahathir berkata negara-negara Asean sememangnya mengamalkan pasaran terbuka dan pertumbuhan ekonomi mereka yang pesat sejak kemerdekaan mereka adalah bukti kepada keberkesanan alam ekonomi dan perdagangan yang bebas.

+Bagaimanapun, adalah penting untuk mengingatkan bahawa pelaksanaan perdagangan bebas dan demokrasi semata-mata tidak akan menghasilkan pertumbuhan ekonomi atau pembahagian kekayaan secara adil,+ katanya. -- Lagi

♥07/10/10-54MST

U EB 07-10 00142 BB002

aab

MEA - Mahathir 2 KUALA LUMPUR

Perdagangan bebas tidak akan berjaya sekiranya rakan dagang mengamalkan dasar perlindungan, katanya.

Perdana Menteri berkata sementara Asean mengamalkan ekonomi liberal berdasarkan pasaran yang terbuka dan bebas yang diperakukan oleh negara barat, adalah aneh apabila pihak barat sebaliknya mewujudkan blok perdagangan yang menghadkan kemasukan barangan Asean ke dalam pasaran mereka.

Negara-negara Asean bergantung kepada eksport ke negara-negara maju untuk pertumbuhan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir dan menambah kata, jika negara maju menutup pasaran mereka, maka pertumbuhan ekonomi Asean akan terbantut.

+Adalah wajar bagi negara-negara Asean mengeratkan bekerjasama mereka bagi memastikan perdagangan bebas berterusan,+ katanya.

Tetapi Asean secara bersendirian tidak cukup kuat untuk melindungi perdagangan bebas kerana pasarnya secara bersama hanya satu-persembilan daripada pasaran NAFTA atau pasaran tunggal Eropah, kata Perdana Menteri. -- Lagi

♥07/10/11-12MST

Datuk Seri Dr Mahathir berkata adalah penting bagi EAEG tidak wujud sebagai blok perdagangan dan sebaliknya semua anggota bebas berdagang dengan mana-mana negara di bawah peraturan Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).

Bagaimanapun, katanya, kumpulan itu hendaklah bertemu untuk membincangkan isu dan membuat pendirian bersama apabila mengadakan rundingan untuk mengekalkan sistem perdagangan bebas dunia.

+Tentunya sukar bagi blok-blok perdagangan Eropah dan Amerika untuk tidak menghiraukan pendirian bersama EAEG itu, katanya. +Memandangkan EAEG berdiri untuk perdagangan bebas, pengaruhnya yang kuat semasa rundingan GATT seharusnya memperoleh keputusan positif.+

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pengalaman Asean menunjukkan, walaupun pada asasnya persatuan serantau itu tidak berbentuk ekonomi, anggota-anggotanya dapat mempelajari antara satu sama lain cara terbaik ke arah memajukan negara masing-masing.

Katanya, adalah bukan sesuatu yang tidak disengajakan bahawa di kalangan semua negara membangun di dunia, negara-negara Asean berjaya terus meneruskan dalam pembangunan. -- Lagi

♥07/10/11-35MST

R EB 07-10 00152 BB006

aab

MEA - Mahathir 4 KUALA LUMPUR

Perdana Menteri berkata sememangnya akan ada negara anggota EAEG yang lemah di bidang ekonomi.

Katanya: +Jika pengalaman Asean dijadikan ukuran, negara-negara lemah ini akan mempelajari daripada kesilapan dan kaedah-kaedah negara yang berjaya dalam kumpulan itu dan seterusnya akan maju dan makmur.

+Dan apabila mereka menjadi makmur, mereka akan menjadi pasaran yang lebih baik untuk pasaran Asean dan seterusnya menyumbang kepada kemakmuran Asean.+

Katanya, EAEG akan berkembang menjadi sebuah kumpulan yang kuat yang mampu mempengaruhi rundingan perdagangan memihak kepada perdagangan bebas bagi seluruh dunia.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa +sekiranya kita tidak mempunyai kumpulan ini, Asean dan negara-negara lain akan terus berada dalam kekuasaan blok perdagangan Eropah dan Amerika.

+Akan wujud banyak syarat dan hubungan dengan isu-isu bukan perdagangan sehingga menyebabkan terbantuinya pertumbuhan Asean. Kita akan terus menjadi negara membangun. -- Lagi

♥07/10/11-49MST

CNS4731

R EB 07-10 00093 BB008

aab

MEA - Mahathir 5 KUALA LUMPUR (akhir)

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau telah berkali-kali menegaskan nilai-nilai baik EAEG sebagai satu alat mewujudkan perdagangan bebas dunia, dan Malaysia menjangkakan mesyuarat MEA ini akan menerima perakuan yang positif daripada para pegawai yang ditugaskan untuk meneliti konsep itu.

+Bagaimanapun, kita akan faham sekiranya penerimaan secara persesuaian tidak tercapai, katanya. +Malaysia menghargai persatuannya dengan jiran-jiran Asia Tenggara melebihi daripada yang lain. Malaysia tidak berhasrat untuk menjadi punca perasaan tidak senang hati kepada sesiapa jua. -- Bernama

♥07/10/12-05MST